

UPM cari lebih banyak bukti

■ Buat kajian di Turki, India tolak tanggapan pahlawan Melayu hanya mitos

Oleh Syazwan Msar
mohdsyazwan@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Pasukan penyelidik Universiti Putra Mala- laysia (UPM) akan membentangkan lebih banyak bukti dan dokumen mengenai kewujudan Laksamana Hang Tuah menerusi kajian di beberapa negara yang pernah dilawati pahlawan Melayu itu.

Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Rohaidah Kamaruddin berkata, beliau bersama pasukannya membuat kajian di Turki dan India berikutnya terdapat catatan dan bukti bertulis mengenai kedatangan pahlawan Melayu itu di negara berkenaan.

Beliau berkata, penyelidikan berkaitan pahlawan Me-

layu di negara luar adalah berdasarkan catatan Hikayat Hang Tuah dan diari Tun Kulah yang disimpan oleh cicitnya sebelum diserahkan kepada Perpustakaan Negara.

"Saya dan Dr Hashim Musa akan bersama pasukan pengkaji sejarah dari negara lain iaitu Jepun, India dan Turki mencari kebenaran dan terdapat sebuah madrasah dibina di Pattani, Thailand, dipercayai ada kaitan dengan pahlawan itu," katanya.

"Hasil kajian saya turut mendapat terdapat tokoh di empat negara lain yang memuatkan nama Laksamana Hang Tuah atau Laksamana dalam catatan mereka sekali gus mengakui kewujudan pahlawan itu," katanya.

Dr Rohaidah berkata, pi- haknya tidak menggunakan satu sumber saji untuk membuktikan kewujudan

Hang Tuah, namun kajian dilakukan lebih menyeluruh termasuk mengkaji asal usul pahlawan itu dan menjelaki negara luar yang pernah dilawati ketika berkhidmat dengan kerajaan Melaka.

"Hasil kajian juga mendapat Hang Tuah seorang yang tinggi ilmu agamanya dan terdapat sebuah madrasah dibina di Pattani, Thailand, dipercayai ada kaitan dengan pahlawan itu," katanya.

Berkaitan pendapat yang dikeluarkan Karyawan Tamu Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya Prof Emeritus Dr Ahmat Adam yang menyatakan Hang Tuah tidak wujud, Dr Rohaidah berkata, perkara itu adalah pendapat masing-masing dan kajian sepututnya merangkumi semua aspek serta bahan sejarah di negara lain.



LAPORAN Harian Metro, semalam.

"Sejak kecil, kita sudah mengetahui mengenai kewujudan Hang Tuah malah ia diceritakan oleh masyarakat dahulu lagi bahawa pahlawan ini memang wujud dan menjadi kebanggaan negara.

"Namun, jika setiap tokoh luar negara yang pernah ber-

Katanya, pengkaji dan pensyarah sejarah luar negara turut mengagumi Hang Tuah malah mereka turut berminat dan mahu bekerjasama mengkaji pahlawan itu hingga memperoleh bukti lengkap.

"Kami melakukan kajian ini bukan mahu mengubah sejarah, namun ini melengkapkan fakta sedia ada supaya boleh menjadi sumber rujukan pada generasi akan datang," katanya.

Semalam, Harian Metro melaporkan seminar anjuran Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM), semalam yang bertajuk Wujudkah Hang Tuah? bertukar 'panas' apabila terdapat beberapa peserta yang menghadiri program itu turut mahu membentangkan hujah masing-masing berkaitan pahlawan negara itu.